



KENYATAAN MEDIA

OLEH
YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT

Saya merujuk kepada berita portal **Suara.TV** pada hari ini bertajuk "*Perdana Menteri Terima Surat Speaker Maklum Tiada Majoriti, Mahu Bubar Parlimen*" yang melaporkan saya sebagai Yang di-Pertua Dewan Rakyat telah memaklumkan YAB Perdana Menteri bahawa Kerajaan pimpinan YAB Perdana Menteri sudah tiada majoriti.

Saya menafikan laporan berita tersebut dan ingin menyatakan bahawa saya tidak pernah mengeluarkan apa-apa surat kepada YAB Perdana Menteri seperti yang dilaporkan. Berita tersebut adalah berita palsu.

Sekian, terima kasih.

DATUK AZHAR AZIZAN HARUN
Yang di-Pertua Dewan Rakyat

11 Ogos 2021
Parlimen Malaysia
KUALA LUMPUR